

<b>TARIKH BERKUATKUASA</b>  <b>11 NOV 2013</b>	<b>PSP-DKKP-02</b>  <b>DOKUMEN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN TINDAKAN KECEMASAN)</b>  <b>POLITEKNIK SEBERANG PERAI</b>	<b>KELUARAN</b>  <b>PINDAAN</b>	<b>01</b>  <b>00</b>
--	--	---------------------------------------	----------------------------

## 1.0 OBJEKTIF

Prosedur ini sebagai garis panduan bagi seseorang pegawai keselamatan kesihatan pekerjaan/pekerja/pegawai yang terlibat/mengambil respon/ tindakan/ persediaan terhadap situasi kecemasan apabila berlaku kemalangan/ penyakit pekerjaan yang bertujuan bagi mengurangkan impak dan kesan yang lebih mudarat kepada manusia atau/ dan alam sekitar.

## 2.0 SKOP

Prosedur ini digunakan oleh semua jabatan dan unit di Politeknik seberang Perai yang memerlukan kawalan kepada Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta alam sekitar

Prosedur ini digunakan bagi menentukan pelan tindakan ketika kecemasan / bencana dilaksanakan secara jelas, seragam, terancang dan memenuhi segala prosedur keselamatan di mana-mana lokasi atau bangunan Politeknik Seberang Perai.

Skop bahaya yang berpotensi di Politeknik Seberang Perai.

1. Kemalangan
2. Kebakaran
3. Kecemasan

## 3.0 DEFINISI

<b>Term</b>	<b>Definisi ringkas</b>
<b>Kemalangan Nyaris (Near Miss)</b>	Mana-mana kejadian di dalam mana-mana kelas yang disenaraikan pada Jadual Pertama Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta Kilang & Jentera: Rujuk Jadual Pertama) dan Jadual 2 Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004 (AKKP:159-183).
<b>Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan (Occupational Poisoning)</b>	Mana-mana keracunan atau penyakit yang disenaraikan dalam Jadual Ketiga Akta Kilang dan Jentera 1967 sebagaimana Jadual 3 Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

TARIKH BERKUATKUASA  11 NOV 2013	<b>PSP-DKKP-02</b> <b>DOKUMEN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN TINDAKAN KECEMASAN)</b> <b>POLITEKNIK SEBERANG PERAI</b>	KELUARAN  PINDAAN	01  00
---	--	-------------------------	--------------

<b>and Diseases)</b>	(Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004 (AKKP:159-183).
<b>Kejadian Berbahaya (Dangerous Occurrence)</b>	Apa-apa kemalangan di tempat kerja yang berpotensi untuk menyebabkan kecederaan kepada mana-mana orang atau kerosakan kepada apa-apa harta.
<b>Kemalangan (Accident)</b>	Suatu kejadian yang berbangkit daripada atau berkaitan dengan kerja yang mengakibatkan kecederaan maut atau kecederaan tidak maut.
<b>Kecederaan Badan yang Serius</b>	Apa-apa kecederaan yang disenaraikan dalam Jadual 1 Peraturan- Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pemberitahuan Mengenai Kemalangan, Kejadian Berbahaya, Keracunan Pekerjaan dan Penyakit Pekerjaan) 2004 (Akta Kilang & Jentera : Jadual Pertama)
<b>Kedudukan Maut</b>	Kecederaan yang membawa kepada kematian serta merta atau kematian dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh kemalangan
<b>Kedudukan Tidak Maut</b>	<p>Kecederaan masa hilang yang menghalang seorang pekerja daripada melaksanakan kerja biasa dan membawa kepada ketidakupayaan untuk bekerja secara kekal atau sementara, atau</p> <p>Kecederaan tiada masa hilang, jika tiada masa kerja yang hilang selain yang dikehendaki bagi rawatan perubatan.</p>
<b>Masa Hilang</b>	Kehilangan hari yang dikira dari dan termasuk hari mendapat kemalangan berdasarkan hari kalender.
<b>Kecemasan</b>	kejadian serius yang tidak dijangka yang biasanya merbahaya dan memerlukan tindakan segera situasi/ keadaan yang berlaku secara tiba-tiba/ merebak yang disebabkan oleh keterukkan/ kemudaratan oleh kecederaan, kerosakan, kehilangan nyawa dan harta benda akibat daripada alam semulajadi, teknologi atau manusia yang luar daripada kawalan biasa dan memerlukan respon daripada sumber luaran serta bantuan bagi tujuan pemulihan semula/ sembah kembali.

	<b>PSP-DKKP-02</b> <b>DOKUMEN KESELAMATAN DAN</b> <b>KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN</b> <b>TINDAKAN KECEMASAN)</b> <b>POLITEKNIK SEBERANG PERAI</b>	<b>KELUARAN</b>	<b>01</b>
<b>TARIKH BERKUATKUASA</b>  <b>11 NOV 2013</b>		<b>PINDAAN</b>	<b>00</b>

#### 4.0 SINGKATAN

PENG	- Pengarah
PET	- Pegawai Eksekutif Tertinggi
TP	- Timbalan pengarah Akademik
TPSA	- Timbalan pengarah Sokongan dan Akademik
SHO	- Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
KP	- Ketua Program
KU	- Ketua Unit
PSP	- Politeknik Seberang Perai
PJ	- Pembantu Jurutera
ERT	- Emergency Respond Team
ERP	- <i>Emergency Respond Preparedness</i>
PB	- Penyelia Bengkel
PM	- Penyelia makmal
KPBM	- Ketua Penyelia Bengkel dan Makmal
PDT	- Pegawai yang ditugaskan
WK	- Wakil kontraktor
HIRARC	- <i>Hazard Identification, Risk Assessment and Risk Controls</i>

#### 5.0 TANGGUNGJAWAB

- 5.1** KJ/KP/KU/PDT/PB/PM/KPBM yang bertanggungjawab akan memastikan semua keperluan prosedur ini dilaksanakan secara efektif.
- 5.2** Penyenggaraan ke atas semua rekod berkaitan alam sekitar, keselamatan dan kesihatan yang telah disediakan daripada pelaksanaan prosedur ini.

TARIKH BERKUATKUASA  11 NOV 2013	<b>PSP-DKKP-02</b> <b>DOKUMEN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN TINDAKAN KECEMASAN)</b> <b>POLITEKNIK SEBERANG PERAI</b>	KELUARAN  PINDAAN	01  00
---	--	-------------------------	--------------

## 6.0 PROSES KERJA

### 6.1 Makluman Kecemasan

<b>Langkah kerja</b>	<b>Tanggungjawab</b>
i. Semua kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan yang berlaku di dalam PSP sama ada mengalami kecederaan atau tidak, hendaklah dilaporkan kepada Ketua Jabatan/ Ketua Bahagian/ Ketua Unit dengan segera.	Semua kakitangan, kontraktor, pelajar serta pelawat hendaklah bertanggungjawab untuk melaporkan segala kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan yang berlaku di PSP.
ii. Ketua Jabatan/Ketua Bahagian/Ketua Unit bagi setiap jabatan kemudiannya perlu memastikan bahawa setiap kemalangan, kejadian berbahaya, keracunan pekerjaan atau penyakit pekerjaan yang berlaku di bahagian masing-masing dilaporkan kepada Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OSHA) PSP.	Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Jabatan/PSP hendaklah bertanggungjawab melaksanakan prosedur melapor aduan, kemalangan, kemalangan nyaris, kejadian berbahaya, keracunan, penyakit pekerjaan dan penyiasatan.
iii. Laporan tersebut hendaklah dibuat dengan segera setelah kejadian tersebut berlaku di Jabatan masing-masing.	Pegawai keselamatan dan kesihatan pekerjaan PSP
iv. Selain itu, Pusat Kesihatan PSP juga perlu melaporkan kepada Unit Persekitaran, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OSHA) PSP, sekiranya terdapat mangsa yang diberi rawatan oleh Pusat Kesihatan PSP.	Ketua jabatan/pegawai keselamatan dan kesihatan pekerjaan memaklumkan kepada pengadu
v. Sekiranya terdapat mana-mana staf, pelajar atau pelawat yang berurusan dengan PSP yang ingin membuat sebarang aduan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OSHA) PSP, Borang Aduan perlu diisi dan dihantar kepada Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (OSHA) PSP.	Unit keselamatan dan kesihatan pekerjaan
vi. Butiran kemalangan atau kejadian perlu direkodkan di dalam borang yang disediakan. <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Semua ruangan yang terdapat di dalam borang perlulah diisi dengan jujur dan ikhlas. Keterangan yang diberikan akan membantu Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PSP untuk mengambil langkah-langkah pencegahan bagi mengelak kemalangan yang serupa daripada berulang.</li> </ul>	
vii. Borang yang telah siap diisi perlu dihantar kepada	

TARIKH BERKUATKUASA  11 NOV 2013	<b>PSP-DKKP-02</b> <b>DOKUMEN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN TINDAKAN KECEMASAN)</b> <b>POLITEKNIK SEBERANG PERAI</b>	KELUARAN  PINDAAN	01  00
---	--	-------------------------	--------------

Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan PSP untuk tindakan selanjutnya.

## 6.2 Penyiasatan Insiden/kemalangan/penyakit pekerjaan

<b>Langkah kerja</b>	<b>Tanggungjawab</b>
i. Aduan atau laporan yang diterima oleh Unit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Jabatan akan dipanjangkan kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PSP.	Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, PSP
ii. Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Politeknik Seberang Perai akan menjalankan siasatan berhubung kejadian/aduan tersebut sebaik sahaja menerima aduan atau laporan tersebut dan seterusnya langkah susulan serta tindakan akan diambil.	Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, PSP
iii. Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Politeknik Seberang Perai akan mengambil gambar-gambar dan bahan-bahan bukti di tempat kejadian untuk dikaji.	Ketua Jabatan
iv. Maklumat serta keterangan daripada mangsa kemalangan, saksi kemalangan, Ketua Jabatan/Ketua Bahagian/Ketua Unit atau mereka yang berkenaan akan diambil dan diisi ke dalam Borang Laporan Kemalangan.	Penyelia Bengkel/Makmal
v. Hasil penyiasatan kemudian akan dilapor dan dibincangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PSP yang akan datang untuk tindakan selanjutnya/ sebagai makluman dan tindakan seterusnya oleh Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan pihak dari bahagian atau unit yang terlibat.	Pengadu/mangsa
vi. Laporan seterusnya akan dihantar kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pulau Pinang sebagai rekod dalam Laporan tahunan kemalangan/kejadian berbahaya.	Kakitangan yang terlibat.  Kontraktor/pelawat (jika berkaitan)

<b>TARIKH BERKUATKUASA</b>  <b>11 NOV 2013</b>	<b>PSP-DKKP-02</b>  <b>DOKUMEN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN TINDAKAN KECEMASAN)</b>  <b>POLITEKNIK SEBERANG PERAI</b>	<b>KELUARAN</b>  <b>PINDAAN</b>	<b>01</b>  <b>00</b>
--	--	---------------------------------------	----------------------------

### 6.3 Laporan Insiden

<b>Langkah kerja</b>	<b>Tanggungjawab</b>
<p>Semua Laporan Insiden perlu dihantar / dibentangkan kepada pihak JKKP, PSP dalam tempoh masa seperti dalam Jadual 3</p> <p>6.3.2 Laporan Insiden disertakan dengan punca kejadian, tindakan pembetulan dan pencegahan yang perlu diambil. Rujukan prosedur-prosedur yang berkaitan berdasarkan Manual KKP dan Dokumen Keselamatan dan kesihatan Pekerjaan akan digunakan untuk melaksanakan proses analisa aspek dan impak.</p> <p>6.3.3 Tindakan pembetulan dan pencegahan yang telah dibuat perlu disahkan oleh Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan PSP dalam tempoh 7 hari daripada tarikh Laporan Insiden dihantar.</p> <p>6.3.4 Pihak PSP/Jabatan akan membuat kajian semula terhadap Laporan Insiden (jika perlu), untuk memastikan kawalan dilaksanakan.</p> <p>6.3.5 Jika melibatkan maut atau kejadian merbahaya, Laporan Insiden akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan dan hasil mesyuarat dibawa ke peringkat Pengurusan Atasan untuk dikaji semula dan diambil tindakan yang sewajarnya.</p> <p>6.3.6 Semua keperluan tambahan/ baru untuk tindakan pembetulan dan pencegahan perlu direkodkan dan dilaksanakan dengan segera dalam prosedur ini.</p> <p>6.3.7 Sebarang situasi insiden yang berlaku perlu dimasukkan dalam agenda mesyuarat. Kajian semula berkaitan HIRARC/HIRADC/ASPEK IMPAK perlu disemak semula (jika perlu).</p>	

<b>TARIKH BERKUATKUASA</b>  <b>11 NOV 2013</b>	<b>PSP-DKKP-02</b>  <b>DOKUMEN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN TINDAKAN KECEMASAN)</b>  <b>POLITEKNIK SEBERANG PERAI</b>	<b>KELUARAN</b>  <b>01</b>	<b>PINDAAN</b>  <b>00</b>
--	--	----------------------------------	---------------------------------

## 7.0 LATIHAN RESPON KECEMASAN DAN PERSEDIAAN

### Prosedur kecemasan kebakaran

Prosedur kecemasan ini hendaklah digunakan semasa kebakaran. Berikut adalah tindakan ketika berlaku kecemasan

Tindakan Menyelamatkan Diri yang perlu dilakukan oleh penghuni:

Apabila kedengaran loceng penggera (isyarat kecemasan kebakaran), semua warga PSP dan orang awam / pelawat hendaklah :

- i. Hentikan kerja serta-merta dan matikan semua punca elektrik berdekatan anda serta cabutkan plug
- ii. Hendaklah berjalan dengan pantas KELUAR IKUT LALUAN PELAN KECEMASAN yang telah ditetapkan dengan teratur
- iii. Jangan panik, berlari atau tolak-menolak
- iv. Jangan berpatah-balik untuk mengambil barang yang tertinggal
- v. Berikan kerjasama sepenuhnya dan patuhi arahan Pasukan *Emergency Response Team* (ERT)
- vi. Berkumpul di tempat yang telah ditetapkan iaitu di tempat pengunsian (Assembly Point)
- vii. Sila hubungi Balai Bomba terdekat di talian 04-537 3864 atau dail TALIAN KECEMASAN 999
- viii. Sila rujuk PELAN KECEMASAN/KEBAKARAN PSP dengan teliti

### Kakitangan

**Pasukan Tindakan  
Kecemasan (ERT)**

### Pelawat

### Pelajar

<b>TARIKH BERKUATKUASA</b>  <b>11 NOV 2013</b>	<b>PSP-DKKP-02</b>  <b>DOKUMEN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN TINDAKAN KECEMASAN)</b>  <b>POLITEKNIK SEBERANG PERAI</b>	<b>KELUARAN</b>  <b>01</b>	<b>PINDAAN</b>  <b>00</b>
--	--	----------------------------------	---------------------------------

---

### Prosedur bantuan kecemasan Am

Prosedur ini menerangkan beberapa tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku sesuatu keadaan kecemasan.

- i. Penyelia/pensyarah pengajar hendaklah memberikan bantuan awal kecemasan kepada semua mangsa kemalangan atau keadaan kecemasan yang berlaku di bengkel/makmal.  
  
**Penyelia bengkel/makmal**
- ii. Penyelia bengkel hendaklah mempamerkan satu salinan prosedur ini serta SENARAI NAMA PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB pada peti pertolongan cemas di semua bengkel.  
  
**Ketua pasukan tindakan kecemasan (ERT)**
- iii. Ketua bengkel adalah bertanggungjawab melantik pegawai yang bertanggungjawab terhadap peti pertolongan cemas di setiap bengkel.  
  
**Kakitangan**
- Pelajar**

### Peti Pertolongan Cemas (PPC)

- i. Penyelia bengkel/penyelia makmal/penyelia ERT jabatan adalah bertanggungjawab memastikan Peti Pertolongan Cemas ditempatkan di semua premis di dalam kawasan PSP.
- ii. Memastikan perkakasan dan ubat-ubatan di dalam Peti Pertolongan Cemas sentiasa mencukupi setiap masa.
- iii. Pegawai/kakitangan/pelajar/kontraktor hendaklah menjaga dan tidak menyalahgunakan perkakasan dan ubat-ubatan di dalam Peti Pertolongan cemas yang disediakan.
- iv. Penyelia bengkel/penyelia makmal/penyelia ERT jabatan hendaklah menjaga dan tidak menyalahgunakan semua kemudahan dan peralatan pertolongan cemas yang disediakan.
- v. Pegawai ERT jabatan adalah bertanggungjawab merancang aktiviti penyelenggaraan kemudahan dan peralatan pertolongan cemas.

<b>TARIKH BERKUATKUASA</b>  <b>11 NOV 2013</b>	<b>PSP-DKKP-02</b>  <b>DOKUMEN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN TINDAKAN KECEMASAN)</b>  <b>POLITEKNIK SEBERANG PERAI</b>	<b>KELUARAN</b>  <b>PINDAAN</b>	<b>01</b>  <b>00</b>
--	--	---------------------------------------	----------------------------

---

**Tindakan Jawatankuasa (Pegawai Keselamatan/Pasukan Emergency Respose Team (ERT))**

- i. Bunyikan wisel berulang kali (jika *alarm* automatik tidak berbunyi) gunakan PA sistem jika perlu
- ii. Matikan semua punca elektrik dan cabut plug
- iii. Sekiranya kebakaran berlaku di peringkat awal dan tidak mengancam keselamatan diri, sila jalankan usaha memadam.
- iv. Jika didapati kebakaran telah merebak dan ada penghuni di bangunan tersebut, beri arahan untuk mengosongkan bangunan.
- v. Arahkan semua lapisan pelajar/ pegawai/ pelawat keluar bangunan melalui pintu kecemasan dan tutup pintu rintangan api selepas keluar.
- vi. Berkumpul di tempat pengunsian untuk menerima arahan daripada Ketua Pasukan ERT jabatan.
- vii. Buat panggilan baris (roll-call) di tempat berkumpul dan semak sekiranya ada yang masih tertinggal dalam bangunan bagi kumpulan di bawah kawalan masing-masing.
- viii. Jangan benarkan sesiapa pun masuk ke bangunan tersebut melainkan yang berkenaan sahaja.
- ix. Hubungi Pegawai Keselamatan bertugas di pondok kawalan untuk bantuan. Jika perlu, terus hubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat.
- x. Sedia untuk bekerjasama dengan anggota BOMBA dalam segala aspek.
- xi. Sekiranya terdapat kemalangan atau kecederaan, pastikan pesakit diberikan rawatan kecemasan dan dihantar ke klinik/hospital terdekat (mengikut keadaan).

**Jawatankuasa (Pegawai  
Keselamatan/Pasukan  
Emergency Respose Team  
(ERT))**

TARIKH BERKUATKUASA <b>11 NOV 2013</b>	<b>PSP-DKKP-02</b> <b>DOKUMEN KESELAMATAN DAN</b> <b>KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN</b> <b>TINDAKAN KECEMASAN)</b> <b>POLITEKNIK SEBERANG PERAI</b>	<b>KELUARAN</b>	<b>01</b>
		<b>PINDAAN</b>	<b>00</b>

---

### **Tindakan Pengawal Keselamatan**

- i. Ketika berlaku kecemasan/ bencana pihak kawalan keselamatan perlu memastikan tiada kenderaan keluar dan masuk ke dalam kawasan bangunan PSP
- ii. Setiap laluan masuk keluar perlu di kawal rapi oleh Pengawal Keselamatan (pintu hadapan dan belakang) dan perlu mencegah sesiapa sahaja yang tidak berkenaan daripada memasuki kawasan bangunan.
- iii. Pengawal Keselamatan perlu membantu Pasukan Emergency Response Team (ERT) jika diperlukan

---

### **Panduan Keselamatan Bagi Kawasan Parkir Kenderaan dan Kawasan Pili Bomba**

Bagi memudahkan tindakan segera diambil oleh semua pihak, semasa sebarang kecemasan/bencana :

**Kakitangan/pelawat/pelajar**

- i. Dilarang meletak kenderaan secara BERLAPIS (*Double Parking*) di perkarangan PSP pada setiap masa.
- ii. Meletak kenderaan secara BERUNDUR adalah amat digalakkan
- iii. Dilarang meletakkan motosikal di mana-mana kaki lima bangunan PSP
- iv. Dilarang meletakkan kenderaan di dalam petak kuning pili bomba.
- v. Laluan belakang bangunan tidak boleh diletakkan kenderaan untuk memberi laluan sekiranya berlaku kecemasan

	PSP-DKKP-02  DOKUMEN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN TINDAKAN KECEMASAN)  POLITEKNIK SEBERANG PERAI	KELUARAN  PINDAAN	01  00
TARIKH BERKUATKUASA  11 NOV 2013			

## 8.0 REKOD SPB

Semua laporan dalam respon kemalangan dan kecemasan dan persediaan perlu direkodkan untuk dirujuk pada masa yang perlu atau kemalangan/ penyakit berlaku serta dijadikan contoh panduan kepada pengguna yang lain.

## 9.0 RUJUKAN

### NOMBOR TALIAN PENGAWAI-PENGAWAI

BIL	NAMA	JAWATAN	NO. TELEFON
1.	Haji Zulkifli bin Ariffin	Pengarah	019-2333606
2.	Puan Ainiza bt Amin	Timbalan Pengarah Akademik	019-4410130
3.	Pn. Hawariah bt Kamaruddin	Timbalan Pengarah Sokongan dan Akademik	013-4333585
4	En. Kamaruzaman Jaaffar	Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan	019-4400050
5.	Amaluddin bin Jusoh	Penolong Jurutera	019-4575842
6.	Tn. Hj Abdul Muttalib bin Abdul Majid	KJ JKM	019-4079628
7.	Tn. Hj Mohd Shohimi bin Mt. Isa	KJ JKE	012-4052764
8.	Dr. Nor Hasni bt Haron	KJ JP	013-4222668
9.	Pn. Rohani bt Ahsan@Hamsan	KJ JMSK	012-7154430

	PSP-DKKP-02  DOKUMEN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN TINDAKAN KECEMASAN)  POLITEKNIK SEBERANG PERAI	KELUARAN  PINDAAN	01  00
TARIKH BERKUATKUASA  11 NOV 2013			

10	En. Abdul Kamil bin Abdul Aziz	KJ JPA	019-4706593
11	Pn. Mazliza bt Razali	Ketua warden	019-5255015
12	En. Abd Samat bin Hashim	Penyelia asrama	012-5585495
13	En. Mujahiddin bin Ghazali	Pen. Pegawai Perubatan	
14	Mohd Fadhli bin Abd. Hamid	Pegawai Keselamatan	0134285485
15	Mohd Rafi	Pengawal keselamatan	011-12425823

#### **NOMBOR TALIAN KECEMASAN UNTUK DIHUBUNGI**

BIL	NAMA JABATAN	KAWASAN	NO. PEJABAT
1	Jabatan Bomba dan Penyelamat Bandar Perda	Bandar Perda, Bukit Mertajam	04-5373027
2	Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bandar Perda	Bandar Perda, Bukit Mertajam	04-538 2222
3	Hospital Seberang Jaya (unit Kecemasan)	Seberang Jaya, Bukit Mertajam	04-3827333
4	Hospital Bukit Mertajam	Bukit Mertajam	04-538333

	PSP-DKKP-02  DOKUMEN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN TINDAKAN KECEMASAN)  POLITEKNIK SEBERANG PERAI	KELUARAN  PINDAAN	01  00
TARIKH BERKUATKUASA  11 NOV 2013			

## LAMPIRAN 1

**JADUAL PERTAMA**  
 [subperaturan 5(1)]  
**KECEDERAAN BADAN YANG SERIUS**

1. Emaskulasi
2. Kurang penglihatan yang kekal salah satu mata
3. Kurang pendengaran yang kekal salah satu telinga
4. Kurang mana-mana anggota atau sendi
5. Kemusnahan atau kerosakan yang kekal upaya mana-mana anggota atau sendi
6. Kecacatan yang kekal pada kepala atau muka
7. Patah atau dislokasi tulang
8. Hilang kesedaran akibat daripada kekurangan oksigen
9. Hilang kesedaran atau sakit akut akibat daripada penyerapan, penyedutan atau pengingesan apa-apa bahan, yang memerlukan rawatan oleh pengamal perubatan berdaftar
10. Apa-apa hal tentang keadaan tidak sihat akut yang terdapat sebab untuk mempercayai bahawa hal ini ialah akibat daripada pendedahan kepada patogen terasing atau bahan yang dijangkiti semasa bekerja
11. Apa-apa kecederaan atau luka terbakar lain yang berhubungan dengan kerja yang mengakibatkan orang yang tercedera dimasukkan ke dalam hospital dengan serta-merta selama lebih daripada 24 jam

	PSP-DKKP-02  DOKUMEN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN TINDAKAN KECEMASAN)  POLITEKNIK SEBERANG PERAI	KELUARAN  PINDAAN	01  00
TARIKH BERKUATKUASA  11 NOV 2013			

## LAMPIRAN 2

**JADUAL KEDUA**  
 [subperaturan 5(1)]  
**KEJADIAN MERBAHAYA**  
**BAHAGIAN I**  
**KEJADIAN BERBAHAYA YANG BOLEH DIBERITAHU APABILA**  
**BERLAKU DI MANA-MANA**

### **KERUNTUHAN PERANCAH**

**1.** Keruntuhan atau keruntuhan sebahagian daripada mana-mana perancah yang tingginya lebih daripada 5 meter yang mengakibatkan sebahagian besar daripada perancah jatuh atau terbalik.

### **KERUNTUHAN BANGUNAN ATAU STRUKTUR**

**2.** Di mana-mana bangunan atau struktur yang dalam pembinaan, pembinaan semula, pengubahsuaian atau perobohan, keruntuhan atau keruntuhan sebahagian daripada manamana bahagian bangunan atau struktur itu, atau daripada mana-mana topang sementara, kecuali jika cara dan takat keruntuhan atau keruntuhan sebahagian disengajakan.

### **LITAR PINTAS ELEKTRIK**

**3.** Litar pintas atau beban lampau elektrik yang disertai api atau letupan yang mengakibatkan pemberhentian loji yang terlibat selama lebih daripada 24 jam dan yang mungkin boleh menyebabkan kecederaan badan yang serius kepada mana-mana orang.

	<b>PSP-DKKP-02</b> <b>DOKUMEN KESELAMATAN DAN</b> <b>KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN</b> <b>TINDAKAN KECEMASAN)</b> <b>POLITEKNIK SEBERANG PERAI</b>	<b>KELUARAN</b>	<b>01</b>
<b>TARIKH BERKUATKUASA</b>  <b>11 NOV 2013</b>	<b>PINDAAN</b>	<b>00</b>	

## **PELEPASAN BAHAN**

**4.** Pembebasan atau pelepasan tidak terkawal apa-apa bahan atau agen dalam hal keadaan yang mungkin boleh menyebabkan kerosakan kepada kesihatan atau kecederaan yang serius kepada mana-mana orang.

## **LETUPAN, KEBAKARAN ATAU KEGAGALAN STRUKTUR**

**5.** Letupan, kebakaran atau kegagalan struktur yang menjelaskan keselamatan atau kekuatan mana-mana tempat kerja atau loji yang terdapat di dalam tempat kerja itu.

**6.** Apa-apa letupan atau kebakaran yang berlaku di mana-mana tempat kerja yang berpunca daripada penyalaan bahan terproses, barang sampingan atau barang siapnya yang mengakibatkan pemberhentian atau penggantungan kerja biasa di tempat itu selama lebih daripada 24 jam.

**7.** Peletusan bekas yang berputar, roda, batu pengasah atau roda pengasah yang digerakkan oleh kuasa mekanik.

**8.** Peletusan, peletupan atau keruntuhan talian paip atau mana-mana bahagiannya; atau penyalaan apa-apa benda di dalam talian paip, atau apa-apa benda yang sebaik sebelum ia dinyalakan, berada di dalam talian paip.

**9.** Peletupan, keruntuhan, peletusan atau kegagalan struktur yang menjelaskan keselamatan atau kekuatan apa-apa vesel tertutup termasuklah dandang stim atau vesel tekanan tidak berapi; kehilangan air, peleburan palam boleh lakur dan peletusan tiub.

**10.** Kebakaran atau letupan di dalam sesuatu gudang atau kawasan penyimpanan di mana bahan berbahaya disimpan.

## **JENTERA PENGANGKAT DSB**

**11.** Keruntuhan, keterbalikan atau kegagalan apa-apa beban yang menahan sebahagian daripada mana-mana kren, derik, win pesawat angkat, kerangka cerucuk, lif, pengorek atau perkakas lain yang digunakan untuk menaikkan atau menurunkan orang atau barang atau mana-mana bahagiannya.

<b>TARIKH BERKUATKUASA</b>  <b>11 NOV 2013</b>	<b>PSP-DKKP-02</b>  <b>DOKUMEN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN TINDAKAN KECEMASAN)</b>  <b>POLITEKNIK SEBERANG PERAI</b>	<b>KELUARAN</b>  <b>PINDAAN</b>	<b>01</b>  <b>00</b>
--	--	---------------------------------------	----------------------------

### LAMPIRAN 3

#### **JADUAL KETIGA**

[Peraturan 7]

#### **KERACUNAN PEKERJAAN DAN PENYAKIT PEKERJAAN**

Ruang 1 Ruang 2

*Perihal keracunan atau penyakit Jenis aktiviti/pekerjaan  
Pekerjaan*

#### **KERACUNAN**

##### 1. Keracunan oleh:

- (a) Monomer Akrilamida Apa-apa aktiviti.
- (b) Alkohol, glikol, keton atau Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan aldehid kepada wasap atau wap alkohol, glikol, keton atau aldehid.
- (c) Antimoni Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap antimony atau sebatian antimoni atau bahan yang mengandungi antimoni.
- (d) Arsenik Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap arsenik atau sebatian arsenik atau bahan yang mengandungi arsenik atau sebatian arsenik.
- (e) Benzena atau homolog Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap yang mengandungi benzena atau apa-apa homolognya dan terbitan amino dan nitronya.
- (f) Berilium atau salah satu Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan daripada sebatianannya kepada wasap, habuk atau wap berilium atau sebatian berilium atau bahan yang mengandungi berilium.
- (g) Kadmium Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap kadmium atau sebatian kadmium atau bahan yang mengandungi kadmium.
- (h) Karbon disulfida Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap karbon disulfide atau sebatian karbon disulfida atau bahan yang mengandungi karbon disulfida.

<b>TARIKH BERKUATKUASA</b>  <b>11 NOV 2013</b>	<b>PSP-DKKP-02</b> <b>DOKUMEN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN TINDAKAN KECEMASAN)</b> <b>POLITEKNIK SEBERANG PERAI</b>	<b>KELUARAN</b>  <b>PINDAAN</b>	<b>01</b>  <b>00</b>
--	--	---------------------------------------	----------------------------

- (i) Gas karbon monoksida Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada gas karbon monoksida, dan apa-apa proses yang melibatkan penggunaan-penggunaan
  - (i) dinamit dan serbuk letupan bagi peletusan di lorong-lorong di bawah tanah;
  - (ii) gas penyinar;
  - (iii) gas kuasa atau gas relau;
  - (iv) relau bagas, relau dan dapur bagi pembakaran kok arang dan bahan api lain;
  - (v) enjin gas.
- (j) Gas karbon dioksida Peletusan, pengilangan air mineral, penapaian di kilang-kilang bir dan pembentukan kapur di tanurtanur kapur.
- (k) Kromium Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap kromium. atau sebatian kromium atau bahan yang mengandungi kromium.
- (l) Dietilena dioksida (dioksana) Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap atau wap yang mengandungi dietilena dioksida.
- (m) Etilena oksida Apa-apa aktiviti.
- (n) Fluorin Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap fluorin atau sebatian fluorin atau bahan yang mengandungi luorin.
- (o) Gas hidrogen sianida atau gas Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan hidrogen sulfida kepada wasap atau wap hidrogen sianida atau hidrogen sulfida.
- (p) Plumbum atau sebatian Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap plumbum atau sebatian atau bahan yang mengandungi plumbum.
- (q) Mangan atau sebatiannya Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap mangan atau sebatian mangan atau bahan yang mengandungi mangan.
- (r) Raksa atau salah satu daripada Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan sebatiannya kepada wasap, habuk atau wap raksa atau sebatian raksa atau bahan yang mengandungi raksa.
- (s) Metil bromida Apa-apa aktiviti.
- (t) Nitroklorobenzena, atau Apa-apa aktiviti. terbitan nitro, amino atau kloro daripada benzene atau homolog benzene
- (u) Nikel Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap nikel atau

<b>TARIKH BERKUATKUASA</b>  <b>11 NOV 2013</b>	<b>PSP-DKKP-02</b> <b>DOKUMEN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN TINDAKAN KECEMASAN)</b> <b>POLITEKNIK SEBERANG PERAI</b>	<b>KELUARAN</b>  <b>PINDAAN</b>	<b>01</b>  <b>00</b>
--	--	---------------------------------------	----------------------------

sebatian nikel atau bahan yang mengandungi nikel.

- (v) Wasap nitrus Penggunaan atau pengendalian asid nitric atau pendedahan kepada wasap nitrus.
- (w) Organoklorin, organofosfat, Penggunaan atau pengendalian organoklorin, karbamat, nitrofenol, organofosfat, karbamat, nitrofenol, pentaklorofenol, pentakklorofenol, dimetil- dimetilditiokarbamat atau sebatian-sebatian ditiokarbamat atau sebatian klorofenoksi dan dipiridil untuk membinasakan klorofenoksi dan dipiridil makhluk perosak atau *vermin*
- (x) Fosforus Penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap fosforus atau sebatian fosforus atau bahan yang mengandungi fosforus.
- (y) Kayu Rengas Penggerjaan kayu Rengas atau apa-apa proses pengilangan barang-barang daripadanya atau proses yang bersampingan dengan pengilangan barang-barang daripadanya.
- (z) Terbitan halogen daripada Pengeluaran, pembebasan atau penggunaan hidrokarbon alifatik atau hidrokarbon daripada siri alifatik atau siri aromatik aromatik dan terbitan-terbitan halogennya.

## JANGKITAN

2. Antraks Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pengendalian benang bulu, rambut, bulu kejur, belulang atau kulit atau hasil-hasil atau baki-baki lain daripada binatang, atau hubungan dengan binatang-binatang yang dijangkiti antraks.
3. Glanders Apa-apa pekerjaan yang melibatkan hubungan dengan binatang jenis kuda atau bangkainya.
4. Leptospirosis Apa-apa pekerjaan yang melibatkan kerja di tempat-tempat yang banyak tikus atau roden yang lain dan apa-apa pekerjaan yang melibatkan penjagaan atau pengendalian anjing-anjing, lembu kerbau, babi dan kuda atau mana-mana binatang lain yang telah dijangkiti penyakit.
5. Tuberkulosis atau kusta Apa-apa pekerjaan yang melibatkan hubungan yang rapat atau kerap dengan sumber atau sumbersumber jangkitan tuberkulosis atau kusta disebabkan oleh pekerjaan-
  - (a) dalam rawatan perubatan seseorang yang menghidap tuberkulosis atau kusta atau dalam sesuatu perkhidmatan yang bersampingan dengan rawatan itu;
  - (b) dalam melayan seseorang yang menghidap tuberkulosis atau kusta, jika layanan itu adalah perlu oleh sebab kelemahan jasmani atau mental orang itu;
  - (c) sebagai seorang penyelidik yang menjalankan penyelidikan berkenaan dengan tuberculosis

<b>TARIKH BERKUATKUASA</b>  <b>11 NOV 2013</b>	<b>PSP-DKKP-02</b>  <b>DOKUMEN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN TINDAKAN KECEMASAN)</b>  <b>POLITEKNIK SEBERANG PERAI</b>	<b>KELUARAN</b>  <b>PINDAAN</b>	<b>01</b>  <b>00</b>
--	--	---------------------------------------	----------------------------

atau kusta; atau

(d) sebagai seorang pekerja makmal, ahli patologi atau pekerja *post-mortem*, jika pekerjaan itu melibatkan penggunaan benda yang menjadi sumber jangkitan tuberculosis atau kusta atau dalam apa-apa pekerjaan yang bersampingan dengan pengajian itu.

#### 6. Hepatitis virus Apa-apa pekerjaan yang melibatkan

(a) hubungan yang rapat dan kerap dengan darah manusia atau hasil-hasil darah manusia; atau

(b) hubungan yang rapat dan kerap dengan sumber jangkitan hepatitis virus kerana bekerja memberikan rawatan perubatan kepada orang atau orang-orang yang menghidap penyakit hepatitis virus, atau dalam sesuatu perkhidmatan yang bersampingan dengan rawatan itu.

#### 7. Apa-apa penyakit yang Kerja yang melibatkan patogen yang menyebabkan disebabkan oleh patogen bahaya kepada kesihatan manusia

#### 8. *Acquired Immunodeficiency* Apa-apa pekerjaan yang melibatkan *Syndrome (AIDS)*

(a) hubungan yang rapat dan kerap dengan darah manusia atau hasil-hasil darah manusia; atau

(b) hubungan yang rapat dan kerap dengan sumber jangkitan AIDS kerana bekerja memberikan rawatan perubatan kepada orang yang menghidap AIDS, atau orang-orang yang dijangkiti *Human Immuno deficiency Virus* atau dalam sesuatu perkhidmatan yang bersampingan dengan rawatan itu.

### **PENYAKIT KULIT**

#### 9. Akne Kerja yang melibatkan pendedahan kepada minyak mineral, tar, gegala atau arsenik.

10 . (a) Keulseran pada permukaan Apa-apa pekerjaan yang melibatkan penggunaan kornea mata atau pengendalian, atau pendedahan kepada tar, gegala, sekam padi, bitumen, minyak mineral (termasuk parafin), jelaga, habuk organik atau apa-apa baki mana-mana bahan ini.

(b) Ketumbuhan baru setempat pada kulit, papiloma atau keratitis (c) Barah epithelium atau ulser pada kulit disebabkan, dalam apa-apa hal, oleh tar, gegala, sekam padi, bitumen, minyak mineral (termasuk parafin), jelaga atau apa-apa sebatian, hasil atau baki mana-mana bahan ini.

#### 11. Folikulitis Kerja yang melibatkan pendedahan kepada minyak mineral, tar, gegala atau arsenik.

#### 12. Barah kulit Kerja yang melibatkan pendedahan kepada minyak mineral, tar, gegala atau arsenik.

	PSP-DKKP-02  DOKUMEN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN TINDAKAN KECEMASAN)  POLITEKNIK SEBERANG PERAI	KELUARAN  PINDAAN	01  00
TARIKH BERKUATKUASA  11 NOV 2013			

13. Keulseran krom Apa-apa pekerjaan yang melibatkan penggunaan atau pengendalian asid kromik, kromat atau bikromat ammonia, kalium, zink atau natrium, atau apa-apa persediaan atau larutan yang mengandungi mana-mana bahan ini.
14. Radang, keulseran atau penyakit Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan malignan pada kulit atau tisu kepada sinar-X, zarah mengion, radium atau subkulitan tulang atau leukemia, bahan radioaktif lain atau bentuk tenaga sinaran atau anemia jenis aplasia akibat lain. sinaran X, zarah mengion, radium atau bahan radioaktif lain atau bentuk tenaga sinaran lain
15. Selulitis subkulitan atau bursitis Apa-apa pekerjaan yang melibatkan kerja kasar akut yang terjadi pada atau di yang menyebabkan geseran atau tekanan kuat sekitar lutut atau lama pada atau di sekitar lutut.
16. Selulitis subkulitan pada tangan Apa-apa pekerjaan yang melibatkan kerja kasar yang menyebabkan geseran atau tekanan kuat atau lama pada tangan.
17. Selulitis subkulitan atau bursitis Apa-apa pekerjaan yang melibatkan kerja kasar akut yang terjadi pada atau yang menyebabkan geseran atau tekanan kuat atau di sekitar siku lama pada siku.
18. Dermatitis pekerjaan Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pengendalian minyak mineral, asid, alkali, habuk atau apa-apa agen luaran lain yang boleh mengganggu kulit.
19. Penyakit kulit yang disebabkan Pengerajan kayu Rengas atau apa-apa proses oleh kayu Rengas dalam atau bersampingan dengan pengilangan barang-barang daripadanya.

<b>TARIKH BERKUATKUASA</b>  <b>11 NOV 2013</b>	<b>PSP-DKKP-02</b>  <b>DOKUMEN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN TINDAKAN KECEMASAN)</b>  <b>POLITEKNIK SEBERANG PERAI</b>	<b>KELUARAN</b>  <b>PINDAAN</b>	<b>01</b>  <b>00</b>
--	--	---------------------------------------	----------------------------

## **PENYAKIT PARU-PARU**

20. Barah para-paru atau mesotelioma Apa-apa pekerjaan yang melibatkan yang yang disebabkan oleh asbestos perlombongan, pemprosesan atau pengendalian benda-benda yang mengandungi asbestos.
21. Penyakit bronko pulmonari Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan yang banyak kepada sedutan habuk logam keras, habuk kapas, habuk flaks atau rami atau sisal atau daun teh atau sekam padi.
22. Kerengsaan pulmonari Apa-apa pekerjaan yang melibatkan sedutan sulfur oksida, klorin, fosgen, ammonia, bromin, ozon atau nitrogen dioksida.
23. Asma pekerjaan yang disebabkan Apa-apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan oleh pemeka atau perengsa kepada sedutan habuk-habuk mineral seperti simen, kuprum, zink, habuk binatang seperti tulang atau rambut, atau habuk yang berasal daripada tumbuhan seperti kapas, kayu, flaks, jut, sekam padi, gabus, rempah, rami, sisal, tembakau, teh, tepung atau gas atau wap-wap toluene diisosianat atau formaldehid atau apa-apa agen lain yang boleh menyebabkan asma.
24. Pneumokoniosis (silikosis, Apa-apa pekerjaan yang melibatkan asbestos, antrakosilikosis, stanosis, siderosis atau (a) kerja-kerja melombong, mengkuari atau siderosilikosis) mengerjakan batu silika atau mengerjakan pasir kuarzos kering atau apa-apa endapan kering silika atau baki kering silika atau apa-apa campuran kering yang mengandungi bendabenda itu;
- (a) dalam atau bersampingan dengan mana-mana pekerjaan yang disebut di dalamnya atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripada pekerjaan itu;
  - (b) pengendalian mana-mana benda yang dinyatakan dalam subperenggan
  - (c) pemecahan, penghancuran atau pengisaran flin atau pengeraan atau pengendalian flin pecah, hancur atau terkisar atau benda-benda yang mengandungi flin sedemikian atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripada pekerjaan itu;
  - (d) peletusan pasir dengan menggunakan udara mampat bersama-sama dengan penggunaan pasir kuarzos atau batu silika atau flin yang dihancurkan, atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripada peletusan pasir itu;
  - (e) pengisaran grafit mineral atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripada pengisaran itu;
  - (f) pekerjaan di tempat peleburan atau pelaksanaan, atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang

	<b>PSP-DKKP-02</b> <b>DOKUMEN KESELAMATAN DAN</b> <b>KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN</b> <b>TINDAKAN KECEMASAN)</b> <b>POLITEKNIK SEBERANG PERAI</b>	<b>KELUARAN</b>	<b>01</b>
<b>TARIKH BERKUATKUASA</b>  <b>11 NOV 2013</b>		<b>PINDAAN</b>	<b>00</b>

terbit daripada mana-mana pekerjaan yang berikut :

- (i) pembebasan tuangan keluli daripada bahan siliseus yang melekat;
- (ii) pembebasan tuangan logam daripada bahan siliseus yang melekat;
- (g) pengilangan barang-barang tembikar kaolin atau tembikar (termasuk barang tembikar sanitari, jubin tembikar elektrik), dan apa- apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripadanya;
- (h) pengolahan granit atau batu igneus oleh tukang batu atau penghancuran benda-benda tersebut atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripadanya; (i) penggunaan atau penyediaan bagi kegunaan, batu giling atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripadanya;
- (j) pembersihan kerak dandang atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripadanya;
- (k) pengeraian atau pengendalian asbestos atau apa-apa campuran asbestos, atau pengilangan atau pemberian tekstil asbes-tos atau barangbarang lain yang mengandungi asbestos atau pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripada mana-mana pekerjaan yang disebut terdahulu;
- (l) pekerjaan di mana-mana lombong (di bawah tanah atau di atas tanah) yang salah satu daripada tujuan pekerjaan melombong itu adalah untuk mendapatkan apa-apa mineral, atau pengeraian atau pengendalian apa-apa mineral yang diekstrak daripadanya, atau mana-mana pekerjaan yang bersampingan dengannya;
- (m) pengilangan elektrod karbon bagi kegunaan pengekstrakan elektronik aluminium oksida dan apa- apa pekerjaan yang melibatkan pendedahan yang banyak kepada habuk yang terbit daripadanya;
- (n) pendedahan kepada sedutan habuk yang mengandungi besi dan silika atau hematit;
- (o) pendedahan kepada sedutan habuk atau wasap timah; penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada habuk talkum atau bahan yang mengandungi talkum;
- (p) penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap aluminium atau bahan yang mengandungi aluminium.

25. Alveolitis ekstrinsik (penyakit Pendedahan kepada kulat, termasuk spora fungus paru-paru petani) atau protein heterologus semasa bekerja dalam bidang

- (a) pertanian, hortikultur, perhutanan, penanaman cendawan boleh dimakan atau pemprosesan

	<b>PSP-DKKP-02</b> <b>DOKUMEN KESELAMATAN DAN</b> <b>KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN</b> <b>TINDAKAN KECEMASAN)</b> <b>POLITEKNIK SEBERANG PERAI</b>	<b>KELUARAN</b>	<b>01</b>
<b>TARIKH BERKUATKUASA</b>  <b>11 NOV 2013</b>		<b>PINDAAN</b>	<b>00</b>

malt;

- (b) pemuatan atau pemunggahan atau pengendalian di tempat simpanan bahan tumbuhan berkulat atau cendawan boleh dimakan;
- (c) penjagaan atau pengendalian burung;
- (d) pengendalian hampas tebu; atau
- (e) penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada sekam atau habuk padi atau bahan yang mengandungi sekam padi.

26. Bisinosis Bekerja di dalam mana-mana bilik tempat apa-apa proses sehingga dan termasuk proses menenun dilakukan di dalam sesuatu kilang yang di dalamnya pemintalan atau pengeraian kapas mentah atau kapas sisa atau flaks atau penenunan kapas atau flaks dijalankan.

27. Barah bronkus atau paru-paru Bekerja di dalam kilang tempat nikel dihasilkan melalui penguraian sebatian nikel bergas yang memerlukan kerja dibuat di dalam atau di sekitar bangunan atau bangunan-bangunan tempat proses itu atau mana-mana proses industri lain yang bersampingan dengannya, dijalankan.

28. Penyakit fibrotik Apa-apa pekerjaan yang melibatkan paru-paru, penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap arang batu atau bahan yang mengandungi arang batu.

## **KEADAAN LAIN**

29. Barah yang disebabkan oleh Apa-apa pekerjaan yang melibatkan-

- (a) 4-aminobifenil penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap 4-aminobifenil atau bahan yang mengandungi 4-aminobifenil;
- (b) Arsenik penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap arsenik atau bahan yang mengandungi arsenik;
- (c) Benzena penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap benzena atau bahan yang mengandungi benzena;
- (d) Benzidina penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap benzidina atau bahan yang mengandungi benzidina;

<b>TARIKH BERKUATKUASA</b>  <b>11 NOV 2013</b>	<b>PSP-DKKP-02</b> <b>DOKUMEN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN TINDAKAN KECEMASAN)</b> <b>POLITEKNIK SEBERANG PERAI</b>	<b>KELUARAN</b>  <b>PINDAAN</b>	<b>01</b>  <b>00</b>
--	--	---------------------------------------	----------------------------

- (e) Bis-kloro metil eter penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap bis-kloro metil eter atau bahan yang mengandungi bis-kloro metil eter;
- (f) Kromium penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap kromium atau bahan yang mengandungi kromium;
- (g) Hematit penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap hematit atau bahan yang mengandungi hematit;
- (h) Gas mustard penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada gas mustard atau bahan yang mengandungi gas mustard;
- (i)  $\beta$ -naftilamina penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap  $\beta$ -naftilamina atau bahan yang mengandungi  $\beta$ -naftilamina;
- (j) Nikel penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap nikel atau bahan yang mengandungi nikel;
- (k) Jelaga, tar dan minyak penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada jelaga, tar dan minyak;
- (l) Vinil klorida penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap vinil klorida atau bahan yang mengandungi vinil klorida;
- (m) Hidrokarbon aromatik penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan polisiklik berbentuk zarah kepada wasap, habuk atau wap hidrokarbon aromatik polisiklik atau bahan yang mengandungi hidrokarbon aromatik polisiklik;
- (n) Akrilonitril penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap akrilonitril atau bahan yang mengandungi akrilonitril;
- (o) 1,2-dibromoetana penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan (etilena dibromida) kepada wasap, habuk atau wap etilena dibromida atau bahan yang mengandungi etilena dibromida;
- (p) Habuk kayu penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada habuk kayu yang terbit daripada pengilangan keluaran-keluaran kayu;
- (q) Benz-o-pirena penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada wasap, habuk atau wap benz-o-pirena atau bahan yang mengandungi benz-o-pirena;
- (r) Formaldehid penggunaan atau pengendalian, atau pendedahan kepada gas formaldehid.

<b>TARIKH BERKUATKUASA</b>  <b>11 NOV 2013</b>	<b>PSP-DKKP-02</b> <b>DOKUMEN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, PSP (PELAN TINDAKAN KECEMASAN)</b> <b>POLITEKNIK SEBERANG PERAI</b>	<b>KELUARAN</b>  <b>PINDAAN</b>	<b>01</b>  <b>00</b>
--	--	---------------------------------------	----------------------------

30. Katarak sinaran haba Apa-apakah kerja yang melibatkan pendedahan yang kerap atau lama kepada cahaya atau sinar daripada kaca lebur atau logam lebur atau logam merah pijar atau pendedahan yang kerap atau lama kepada sinaran.
31. Kejang haba atau strok haba Apa-apakah kerja yang melibatkan pendedahan yang berlebihan kepada haba.
32. Radang salutan sendi pergelangan Apa-apakah kerja yang melibatkan kerja kasar tangan dan sarung tendon atau pergerakan tangan atau pergelangan tangan yang kerap atau berulang.
33. Kejang tangan atau lengan bawah Apa-apakah kerja yang melibatkan tempoh yang akibat pergerakan berulang lama menulis, menaip atau pergerakan berulang lain jari, tangan atau lengan
34. Penyakit udara mampat Apa-apakah kerja atau proses yang dijalankan atau susulannya di dalam udara mampat atau di bawah permukaan air.
35. Kerosakan pendengaran Apa-apakah kerja yang melibatkan pendedahan disebabkan kebisingan yang berlebihan kepada bunyi bising industri pada aras tekanan bunyi tinggi yang melebihi 85 desibel bagi tempoh 8 jam.
36. Penyakit disebabkan getaran Apa-apakah kerja yang melibatkan pendedahan (masalah otot, tendon, tulang, kepada getaran, sendi, saluran darah atau saraf).